KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	BERITA HARIAN			
TARIKH	:	15/11/2021 (ISNIN)	MUKA SURAT	:	22
JABATAN	:	JPSM			

BH 15.11.2021_22

50 ditahan masuk hutan simpan tanpa permit

Hulu Selangor: Seramai 50 individu ditahan dan dibawa ke Balai Polis Kuala Kubu Bharu kerana memasuki hutan simpan kekal (HSK) Semangko, dekat sini, tanpa permit, kelmarin.

Pengarah Perhutanan Negeri Selangor, Datuk Ahmad Fadzil Abdul Majid, berkata pihaknya sudah memberikan peringatan mengenai perkara itu beberapa kali.

Individu berusia 19 hingga 50 tahun itu kemudian dibebaskan dengan jaminan polis selepas keterangan diambil.

Katanya, aktiviti berskala besar itu dikesan oleh pihaknya menerusi operasi khas penguatkuasaan yang dilakukan bermula jam 8 pagi hingga 6 petang disertai 19 pegawai Pejabat Hutan Daerah Hulu Selangor dan dua anggota polis dari Balai Polis Kuala Kubu Bharu.

"Operasi dilakukan di laluan pendakian Gunung Gap HSK ekoran hasil maklumat awam mengenai aktiviti pendakian besar-besaran yang dianjurkan individu persendirian tanpa pengetahuan jabatan," katanya dalam kenyataan, semalam.

Kesalahan memasuki HSK tanpa permit sah boleh dikenakan tindakan mengikut Akta Perhutanan Negara 1984 (Pindaan).

Pada 7 November lalu, media melaporkan 16 pendaki ditahan pihak berkuasa kerana memasuki HSK Bukit Kutu tanpa permit.